

Pada 20 hingga 23 Mei 2008 yang lalu, bertempat di INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam, telah berlangsungnya program Latihan Keusahawanan Siswa(LKS Modul 5 & 6). Seramai 18 mahasiswa telah berjaya menamatkan modul yang terakhir ini. Kesemua mahasiswa terdiri daripada mereka yang mengambil jurusan Kejuruteraan Mikroelektronik, Metalurgi, Mekanikal, Elektronik, Elektronik Industri, Bahan, Perhubungan, Sistem Elektrik dan Komputer. Ianya adalah sambungan daripada modul-modul yang telah mereka jalani sebelum ini iaitu modul 1 & 2 dan modul 3 & 4. Program ini juga telah berjaya memupuk dan menaikkan semangat mereka untuk menceburi bidang perniagaan di sektor kejuruteraan. Penceramah-penceramah jemputan pula terdiri daripada mereka yang berpengalaman luas, antaranya ialah Prof. Dr. Juhari Bin Ali, Dekan

LATIHAN ASAS KEUSAHAWANAN (LKS)

Fakulti Perniagaan dari Asia e-University (AeU), Kuala Lumpur. Beliau membawakan slot yang bertajuk Introduction to Management, Planning, Decision Making dan Organising dan Human Resource Management. Manakala penceramah yang seterusnya ialah seorang Penolong Pengurus di syarikat Asian Composite Manufacturing (ACM) yang berpangkalan di Bukit Kayu Hitam, Kedah iaitu En. Aziz Bin Romli dan Prof. Dr. Raja Aziz Bin Ma'arof dari Universiti Kuala Lumpur(UniKL). Selain daripada itu, pada hari terakhir program, peserta dikehendaki membuat pembentangan secara berkumpulan mengenai produk yang ingin mereka hasilkan. Antara produk-produk yang telah dibentangkan, salah satunya adalah pemenang pingat emas Geneva Award di ITEX 2007 yang telah berlangsung di Kuala Lumpur. Produk tersebut yang dipanggil papan penyerap hentakan hanya menggunakan habuk tayar dan sekam padi.